



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN TIGA UNIT LORI KOMPAKTOR UNTUK PERBADANAN LABUAN

22 JULAI 2025 (SELASA) – Satu majlis penyerahan tiga unit lori kompaktor berkapasiti 15 meter padu akan diserahkan daripada A-Plus Manufacturing Sdn. Bhd. kepada Perbadanan Labuan. Majlis diadakan di kawasan pintu utama tapak Borneo Flora Festival (BFF) @ Labuan 2025 sempena BFF yang akan diadakan pada 26 - 30 Julai ini. Majlis dihadiri oleh YBrs. En. Mohd. Sukuran bin Taib, Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Labuan.

Perkhidmatan kutipan sampah merupakan salah satu fungsi termaktub dalam Akta Perbadanan Labuan (Akta 609) iaitu fungsi-fungsi perbandaran termasuk pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Pada masa ini terdapat 14 unit lori kompaktor yang beroperasi bagi melaksanakan kerja-kerja kutipan sisa pepejal di 11 zon kawasan di sekitar Pulau Labuan. Perbadanan Labuan mengutip sekitar 100 tan sisa pepejal domestik setiap hari dan jumlah ini akan meningkat terutamanya pada musim perayaan. Perolehan tiga unit lori kompaktor ini akan membantu meningkatkan kecekapan kutipan sampah domestik memandangkan lebih 10 unit lori kompaktor berusia lebih 10 tahun ke atas. Perbadanan Labuan juga telah menerima 2 unit lori kompaktor baharu pada 10 April 2025.

Dengan pertambahan jumlah kawasan perumahan, rumah sesebuah, kawasan industri serta premis-premis perniagaan di seluruh WP Labuan, jumlah lori dan kakitangan lapangan sedia ada menghadapi kekangan untuk memastikan pelaksanaan fungsi ini secara efektif dan menepati objektif yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, perolehan tambahan tiga unit lori kompaktor berkapasiti 15 meter padu dengan kos sekitar RM2 juta ini akan memantapkan lagi pengurusan sisa pepejal di WP Labuan yang kini masih dikawal selia sepenuhnya oleh Perbadanan Labuan.

Inisiatif ini adalah bertepatan dengan aspirasi CHASE City yang telah diilhamkan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) serta *tagline* 5S yang telah diperkenalkan khusus untuk WP Labuan. WP Labuan terkenal dengan kebersihan serta keindahan yang pasti mampu menarik pelancong untuk berkunjung ke WP Labuan. Pelancong dan pengunjung akan menzahirkan kekaguman mereka terhadap kebersihan WP Labuan. Adalah diharapkan agar inisiatif ini mampu menjadi faktor penguat dan penyokong kepada usaha Perbadanan Labuan untuk memastikan pengurusan sisa pepejal berada pada tahap yang terbaik.

LABUAN BERSIH, LABUAN INDAH

Disediakan oleh:

JABATAN HAL EHWAL KORPORAT

PERBADANAN LABUAN

22 JULAI 2025